


# 16 komunis tanpa kepala dijumpai

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia



**IPOH, Selasa** — Enam belas mayat penganas komunis, tidak berkepala, dijumpai di Kampung Kepeak Ulu dalam wilayah Thai, 2 km dari sempadan Malaysia-Thai dekat Kroh 22 Disember dan Ahad lalu.

Setiusaha Kerajaan Negeri Perak, Datuk Seri Mohd. Khalil Haji Hussein berkata hari ini, penganas-penganas itu dipercayai terbunuh semasa pertempuran antara anggota-anggota pasukan keselamatan Malaysia dengan sekumpulan penganas pada malam 21 Disember lalu.

Ini merupakan beberapa serangan mengejut penganas ke atas pos-pos keselamatan di Bukit Serapi, dekat pusat Imigresen-Kastam di Kroh.

Juga dipercayai mayat-mayat tersebut dibawa masuk ke wilayah Thai dan menengok laporan, mereka ditinggalkan bergelempangan, ditutup dengan daun-daun kayu. Datuk Seri Mohd. Khalil yang juga Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan berkata demikian selepas mempersembahkan mesyuarat tersebut di bangunan Setiusaha Kerajaan di sini.

Panglima Briged Kedua Infantri Malaysia di sini, Eri Jen Haji Mustafa Awang, Panglima Briged Ke-10 di Kroh, Brig Jen Datuk Chong Thean Bok dan setiusaha jawatankuasa tersebut, Enik Mohd. Sharif Osman hadir di mesyuarat tertutup itu.

Setiusaha kerajaan itu selanjutnya memberitahu, sekumpulan penganas dilihat memungut mayat-mayat tersebut lewat petang hari itu.

## Teruk

Pihak berkuasa percaya, pihak musuh mengalami kecederaan teruk berikutan tindakan balas pasukan keselamatan.

Anggota-anggota pasukan keselamatan bagaimanapun, tidak mengalami kecederaan teruk kecuali dua orang anggota mendapat cedera ringan.

Menurutnya, beberapa pertempuran yang berakhir beberapa ketika oleh kedua belah pihak dekat sempadan juga berlaku selepas tengah malam tadi.

Serangan penganas ke atas pos-pos keselamatan Malaysia mungkin disebabkan mereka ingin menghukum penduduk Betong yang enggan bekerjasama dengan mereka terutama untuk memberi wang.

Musuh juga berharap tindakan mereka itu akan mengurangkan pelancong mengunjungi pekan sempadan itu dan menjejakan perniagaan di Betong.

## Haluan

Ini juga mungkin disebabkan pihak penganas sedang mengubah haluan mereka selepas serangan ke atas pasukan keselamatan di Ulu Legong, dekat Sungai Petani, Kedah akhir Oktober lalu.

Pihak musuh juga mungkin tidak senang dengan kerjasama erat antara pasukan keselamatan dengan pihak berkuasa Thai dalam gerakan mereka menghancurkan penganas di sempadan bersama.

Kerajaan Perak baru-baru ini mengadakan satu lawatan muhibah ke wilayah Yala di selatan Thai.

## Oleh RAJA AHMAD ZAINUDDIN

Lawatan Jawatankuasa Keselamatan dua hari itu diketuai oleh Menteri Besar, Datuk Seri Haji Wan Mohamed Haji Wan Teh yang juga Pengerah Gerakan Negeri yang mana mereka juga mengadakan peribancangan dengan Gabenor Yala, Enik Nisat Alphasana mengenai keadaan di sempadan bersama.

Datuk Seri Mohd. Khalil menambah, terdapat juga landa-landa yang penganas mungkin menceroob ke

Yum, Legap dan Kuala Mu dekat Sungai Siput untuk mendapatkan sokongan Orang Asli.

Perintah berkurang yang dikenakan di hutan simpanan Korbu di sebelah utara daerah kecil Sungai Siput sejak 17 Disember masih berkuatkuasa.

Ini adalah untuk memudahkan lagi gerakan pasukan keselamatan membentaras musuh yang cuba mendapat pertolongan Orang Asli di situ.